

DATE : 15 APR 2018
PUBLICATION : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : DALAM NEGERI
HEADLINE : MRA BANTU BELIA PENERANG TINGKAT KEMAHIRAN
CATEGORY : MENTION
MEASUREMENT : 123.2CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

MRA bantu belia Penerang tingkat kemahiran

KUALA LUMPUR 14 April - Malaysia Relief Agency (MRA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi menyediakan program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk belia di Penerang, Johor demi membantu mereka mendapatkan pekerjaan dalam industri minyak dan gas berskala besar di kawasan tersebut.

Setiausaha Agung MRA, Dr. Shahrizal Azwan Samsudin berkata, MoU itu ditandatangani bersama syarikat Perisind Samudra Sdn. Bhd. dan Serba Dinamik Holdings Berhad bagi menyediakan latihan teknikal serta peningkatan kema-

hiran secara terancang.

Katanya, MRA juga akan bekerjasama dengan dua buah agensi tempatan iaitu Johor Skills Sdn. Bhd. dan Pusat Pembangunan Kemahiran (Puspatri) demi merealisasikan program tersebut.

“Penerang yang sebelum ini merupakan perkampungan tradisional nelayan dan pertanian, telah terpilih sebagai hab bersepadu minyak dan gas di Malaysia yang menyumbang kepada ekonomi jangka panjang negara serta serantau.

“Melalui program TVET yang dirancang, bakat anak-anak muda Johor khususnya belia tempatan di

Penerang akan dikenal pasti untuk dilatih dalam bidang teknikal dan vokasional, khususnya aspek kemahiran berimpak tinggi,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Majlis pemeteraian MoU itu disaksikan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dalam majlis pecah tanah Projek Penerang Eco Industrial Park (PEIP) di Kota Tinggi, Johor pada 9 April lalu.

Yang turut hadir Timbalan Presiden MRA, Khairil Annuar Khalid.

Tambah Shahrizal, komitmen semua pihak terlibat beru-

paya meningkatkan nilai pasaran belia yang dilatih, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada mereka terutama dalam industri minyak dan gas di Penerang.

“Sebagai sebuah badan kemanusiaan yang berpengalaman dalam bidang pembangunan komuniti dalam dan luar negara, MRA berhasrat untuk memainkan peranan secara aktif bagi pembangunan komuniti setempat melalui kerjasama pelbagai pihak,” katanya.

